

KUALA LUMPUR, 8 SEPT. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA TIDAK ADA DOKTOR YANG DAPAT MEMISAHKAN DIRINYA DARI KEPENTINGAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKATNYA.

KATANYA, +LEBIH-LEBIH LAGI DENGAN PENGAMAL-PENGAMAL PERUBATAN AM YANG MEMPUYAI HUBUNGAN ERAT DAN BERTERUSAN DENGAN KELUARGA DAN MASYARAKAT+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MERASMIKAN PERSIDANGAN WILAYAH PERSATUAN-PERSATUAN PENGAMAL PERUBATAN AM DI SINI, BERHARAP PERSATUAN PENGAMAL PERUBATAN MALAYSIA AKAN MENEKANKAN TANGGUNGJAWAB INI DALAM RANCANGAN PENDIDIKAN MEREKA TERUTAMA DALAM KAWASAN LUARBANDAR.

PENGAMALAN AM, KATANYA, ADALAH BIDANG PERUBATAN YANG BERKAITAN TERUS DENGAN KEBANYAKAN ORANG.

PADA HAKIKATNYA, HUBUNGAN KEBANYAKAN ORANG DENGAN PERKHIDMATAN PERUBATAN HANYALAH MELALUI PENGAMAL AM ATAU PENJAGAAN AWAL.

—BERSAMBUNG 1226/BY

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

88

+UNTUK INI, KECEKAPAN PERKHIDMATAN DI PERINGKAT INI ADALAH PALING MUSTAHAK+, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU GEMBIRA MENGETAHUI BERTAMBAHNYA KESEDARAN TENTANG MUSTAHAKNYA PENJAGAAN AWAL DI MALAYSIA DAN DENGAN TERTUBUHNYA PERSATUAN PENGAMAL PERUBATAN AM ADALAH SATU KEJAYAAN DALAM KEMAJUAN MENJAGA KESIHATAN DI NEGARA INI.

PERSATUAN ITU, KATANYA, TELAH MEMBUAT BEBERAPA CADANGAN MENGENAI LATIHAN DOKTOR UNTUK MELENGKAPKAN MEREKA SUPAYA DAPAT MEMBERI PERKHIDMATAN YANG BAIK DI PUSAT KESIHATAN LUARBANDAR YANG MERUPAKAN KEJAYAAN MALAYSIA YANG MEMBANGGAKAN, DAN JABATAN PESAKIT LUAR DI HOSPITAL.

BELIAU BERKATA DENGAN PENEKANAN KEMENTERIAN KESIHATAN PADA MASA INI MENGENAI KESIHATAN LUARBANDAR, MALAYSIA DAPAT BERHARAP KEMAJUAN YANG BESAR DI BIDANG TERSEBUT. --BERSAMBUNG 1230/BY

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

TERDAHULU DARI ITU, PRESIDEN PERSATUAN PENGAMAL PERUBATAN AM MALAYSIA, TAN SRI DR. MOHD. DIN BERKATA SATU CAMPURAN PENJAGAAN AWAL DI MASUKKAN DALAM PERKHIDMATAN LUARBANDAR DI NEGERA INI.

BELIAU MENEKANKAN, BAGAIMANAPUN, TERDAPAT KEKURANGAN DALAM SENI PENJAGAAN AWAL DI KALANGAN KAKITANGAN.

KATANYA INI TERDAPAT PADA PERKHIDMATAN JABATAN PESAKIT LUAR DI BANYAK HOSPITAL DAERAH DAN BESAR.

TAN SRI DR. MOHD. DIN BERKATA PERHATIAN YANG LEBIH TELAH ADA DI BANYAK NEGARA MAJU DAN SEDANG MEMBANGUN SEJAK DUA DEKAD LALU.

KATANYA, INI, TELAH MENGHASILKAN PENUBUHAN PERSATUAN-PERSATUAN BARU DAN JABATAN PEJAGAAN AWAL DAN PERUBATAN KELUARGA.

PERSIDANGAN EMPAT-HARI INI AKAN JUGA MENGADAKAN SIDANG SERAN-TAU PERTUBUHAN SEDUNIA PERSATUAN-PERSATUAN AKADEMIK DAN PENGAMAL PERUBATAN AM KEBANGSAAN DAN PERUBATAN KELUARGA.

KETUA DELEGASI FILIPINA, DR. ROMEO C. MONTES, MENCADANGKAN PENUBUHAN SEBUAH PERSATUAN PENGAMAL PERUBATAN AM DAN DOKTOR KELUARGA ASEAN. —BERSAMBUNG 1338/BY

SEORANG JURUCAKAP JAWATANKUASA PENGANJUR KONVENSYEN, DR. TAI TIONG HONG, MEMBERITAHU PEMBERITA-PEMBERITA KEMUDIAN MALAYSI AKAN MENCADANGKAN SUPAYA DIJEMPUT PENYERTAAN SERANTAU YANG LEBIH BESAR BAGI KONVENSYEN AKAN DATANG KERANA PENYAKIT ADALAH MUDAH BERJANGKIT DAN TIDAK MENGENAL SEMPADAN.

KATANYA PENYERTAAN YANG LEBIH LUAS AKAN MEMUDAHKAN PERTUKARAN PENGETAHUAN SAINTIFIK DAN PENERANGAN MENGENAI TEKNIK RAWATAN BARU.

LEBIH DARI 200 ORANG DARI NEW ZEALAND, FILIPINA, HONG KONG, MALAYSIA, AUSTRALIA DAN SINGAPURA MENGAMBIL BAHAGIAN DENGAN PEMERHATI-PEMERHATI DARI KANADA, INDIA, UNITED KINGDOM, NEGERI THAI, SRI LANKA DAN PAKISTAN.

AUSTRALIA MENGHANTAR ROMBONGAN TERBESAR SERAMAI 98 ORANG DOKTOR. PEKARA-PEKARA MUSTAHAK YANG AKAN DIBINCANGKAN DI KONVENSYEN ITU TERMASUK PENJAGAAN AWAL, MASALAH KLINIKAL DALAM PENGAMALAN

AM DAN PELAJARAN KESIHATAN MASYARAKAT.

PARA PESERTA AKAN MELAWAT HOSPITAL UNIVERSITI DAN PUSAT PEMULIHAN KUSTA KEBANGSAAN. —BERNAMA 1342/BY

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B537)

89

DALAM PERBINCANGAN PANEL MENGENAI KEPENTINGAN PENJAGAAN AWAL TENGAH HARI INI, DR. M.K. RAJAKUMAR DARI MALAYSIA MENYATAKAN PERKHIDMATAN DOKTOR KELUARGA ADALAH YANG TERBAIK DALAM AMALAN PENJAGAAN AWAL.

KATANYA, PENJAGAAN PERUBATAN AWAL ADALAH CARA PENYAMPAIAN PENJAGAAN PERUBATAN YANG TERPENDING DAN DAPAT MENGHAPUSKAN JURANG ANTARA DOKTOR DENGAN ORANGRAMAI YANG DISEBARKAN OLEH PERKHIDMATAN PERUBATAN HOSPITAL.

BELIAU MENEKANKAN DOKTOR KELUARGA HARUS MENGAPAIKAN ISU-ISU TITIK BENGKI TETAPI MENCURAHKAN TENAGA MEREKA KEPADA USAHA MENGHADUPKAN LAGI PENGAMALAN PENJAGAAN AWAL DI KALANGAN MASYARAKAT.

DR. FRED SAMUEL DARI SINGAPURA, DALAM KERTASNYA BERTAJUK +PENGAMALAN PERUBATAN AM DI HOSPITAL+ MENCADANGKAN HAK-HAK LAWATAN PROFESIONAL DIBERIKAN KEPADA DOKTOR-DOKTOR DI HOSPITAL PERSAMA DENGAN PENENTUAN HAK-HAK DAN TANGGUNGJAWAB MEMASUKKAN PESAKIT KE HOSPITAL DAN MERAWATNYA.

SALAH SATU FAEDAH LANGKAH INI, TAMPAHNYA, JALAH MUDAHNYA MENDAPATKAN PENDAPATAN KEDUA, PENYIASATAN SEMPURNA DAN PENJAGAAN PERUBATAN TAMBAHAN. — BERSAMBUNG 1812/ZCM

MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

DR. S.H. NAQVI, SETIAUSAHA MAKTAB PERUBATAN KELUARGA DI PAKISTAN, MENYATAKAN PENYESUAIAN KURIKULUM DI PERINGKAT MAHASISWA KEPADA SATU KONSEP MENYELURUH MODEN MENGENAI PERUBATAN KELUARGA DAN PENJAGAAN KESIHATAN MASYARAKAT AKAN DAPAT MENGEKALKAN MUTU KESIHAT DI NEGARA-NEGARA MEMFANGUN.

BELIAU MENYERU KERAJAAN-KERAJAAN NEGARA MEMBANGUN SUPAYA MENENTUKAN SENARAI PRIORITI MEREKA:

- + SATU SISTEM PELAJARAN KESIHATAN YANG DITERIMA DAN BERKESAN.
- PENCEGAHAN PENYAKIT DAN KEKURANGAN MAKANAN YANG BERZAT SERTA BAHAYA KEPADA ALAM SEKITAR,
- PELAJARAN BERTERUSAN YANG DIWAJIBKAN UNTUK DOKTOR-DOKTOR YANG MASIH BERKHIDMAT, DAN
- MEMBERI GALAKKAN KEPADA KERAJAAN MELALUI PERHUBUNGAN ANTARA-BANGSA DAN PERTUKARAN KEPAKARAN SERTA KEMAHIRAN.

DR. NAQVI BERKATA BERJUTA-JUTA ORANG AKAN TERUS JATUH SAKIT SEKIRANYA ORANGRAMAI TIDAK MENGETAHUI TENTANG PRINSIP-PRINSIP KEBERSIHAN ASAS, ALAM SEKELILING MASIH DIKERUMUN OLEH TINATANG-BINATANG YANG MEMBAWA PENYAKIT DAN MAKANAN MASIH DICEMARKAN. PERSIDANGAN BERSAMBUNG ESOK. — BERNAMA 1817/ZCM